

Dr Mahathir nafi PH hilang sokongan, berpecah-belah

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak berpecah-belah mahupun hilang sokongan seperti didakwa oleh se-setengah pihak.

Perdana Menteri berkata, anggota Kabinet duduk bersama-sama dan mampu membuat keputusan mengenai isu kritikal sejak hampir setahun.

"Anda boleh lihat sama ada saya berjalan bersendirian atau tidak. Saya berjalan di mana-mana dan di mana saja saya pergi orang ramai akan berjabat tangan dan menyatakan sokongan mereka,"

*"Saya berjalan
di mana-mana
dan di mana saja saya
pergi orang ramai
akan berjabat tangan
dan menyatakan
sokongan mereka.*

*Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri*

katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pelancongan Sedunia 2019 di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, bahawa PH akan berpecah-belah berikutan pertelingkahan dalam.

Zahid berkata demikian semasa merasmikan mesyuarat agung tahunan MIC ke-73 di Pusat Perdagangan Dunia Putra di sini kelmarin.

BERNAMA